

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperkemaskan peperiksaan Sijil Amalan Guaman ataupun '*Certificate of Legal Practice*' (CLP) dan sama ada peperiksaan ini akan digantikan dengan '*Common Bar Examination*'.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, cadangan pelaksanaan dan pengoperasian *Common Bar Course* (CBC) bagi menggantikan *Certificate of Legal Profession* (CLP) sedang dibincangkan oleh Majlis Peguam Malaysia dan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (*Legal Profession Qualifying Board* (LPQB)). Kerajaan akan meneliti dan membuat keputusan berhubung perkara ini apabila cadangan tersebut dimuktamadkan dan diterima daripada pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.